



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM
(MESTECC)

28 JANUARI 2019

73 INISIATIF MESTECC 2019 DILANCARKAN MESTECC 2019 : KUASAI. LAKSANA. UNGGULI.

28 Januari 2019, Putrajaya - 73 Inisiatif Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Inovasi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) bagi tahun 2019 telah dilancarkan oleh YB Puan Yeo Bee Yin pada hari ini bersempena dengan Program MESTECC 2019 : Kuasai. Laksana. Ungguli. (Own It. Do It. Ace It.).

Inisiatif yang dibahagikan kepada **tiga (3) sektor utama iaitu Sektor Tenaga sebanyak 20 inisiatif, 22 bagi Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), 20 untuk Sektor Alam Sekitar** dan disokong dengan lima (5) inisiatif Kecemerlangan Organisasi serta Isu-isu Strategik sebanyak enam (6) inisiatif. 73 inisiatif ini juga akan memperlihatkan lebih daripada **150 Pelan Tindakan** akan dilaksanakan.

Dalam program yang sama, YB Puan Yeo Bee Yin turut menyampaikan Amanat Khas beliau kepada 900 orang warga MESTECC yang memenuhi Grand Ballroom, Hotel Zenith, Putrajaya.

Dalam amanatnya, beliau menegaskan tiga (3) nilai utama yang perlu ada pada semua warga iaitu Kecemerlangan (Excellence), Integriti (Integrity) dan Fokus Masa Hadapan (Future Focused).

Program MESTECC 2019: Kuasai. Laksana. Ungguli. (Own It. Do It. Ace It.) ini yang berlangsung bermula pukul 9.00 pagi untuk warga kerja Kementerian turut menyediakan aktiviti "*Walkabout*" dan "*Mobile*

Science” yang dibuka kepada orang awam mulai pukul 11.00 pagi hingga 6.00 petang.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk menjadi platform kepada semua warga MESTECC bagi sama-sama memahami dan menjiwai inisiatif yang telah dirangka serta bersatu menetapkan sasaran mencapai hala tuju dan perancangan strategik Kementerian tahun 2019-2020.

Pelbagai aktiviti disediakan kepada warga dan para pengunjung luar, antaranya ialah Pameran Inisiatif 2019, Pameran Interaktif, Kelas Mudah Alih (Green Guardian), Realiti Maya (VR) & Realiti Tertimbu (AR), Sains Bergerak (Mobile Science), Sembang Santai (Pocket Talk), Kenderaan Elektrik, Permainan Interaktif, Pengesan Radiasi Nuklear, Pengesan Gempa Bumi dan Dinding Interaktif.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Normaizatulakmal Tujad (**Akmal**)
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC
Tel: 012-9075372